

Perbaharui Dasar Buku Negara agenda utama MBKM

Mohd Khair mahu pastikan judul diterbit capai 31,700 setahun

Oleh Siti Haliza Yusop
shyusop@bh.com.my

Kuala Lumpur: Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) akan memastikan usaha pembaharuan Dasar Buku Negara (DBN) yang tidak pernah disemak semula sejak 1980-an diteruskan dengan memberi penekanan kepada rencana Agenda Perbukuan Negara 2020-2030.

Pengarahnya, Mohd Khair Ngadiron, berkata usaha memperbaharui DBN supaya lebih menyeluruh menjadi hal yang pertama diusahakannya selepas dilantik ke jawatan itu, sejak awal Disember lalu.

Menurut Mohd Khair, melalui penekanan kepada Agenda Perbukuan Negara 2020-2030 itu, MBKM akan memastikan judul buku diterbitkan Malaysia mencapai 31,700 setahun seperti disarankan Pertubuhan Pendidikan Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

“Judul buku diterbitkan di tanah air pada ketika ini berlegar dalam lingkungan 19,000 ke 20,000 judul setahun justeru strategi betul melalui pembaharuan DBN perlu dirangka bagi mencapai perangkaan disarankan UNESCO.

“Bagaimanapun, usaha MBKM melalui pembaharuan DBN ini tidak bertujuan memastikan jumlah judul dapat dipertingkatkan.

“Pada masa sama, MBKM akan memastikan wujudnya rangsangan untuk jualan dan ini dapat disokong Dekad Membaca Kebangsaan yang kini dilancarkan melalui pelan 10 tahun oleh Kementerian Pendidikan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara membaca,” katanya.

DBN yang kali pertama dibentangkan di Dewan Rakyat pada 1981 dan kali kedua (1984), menjadi dasar negara pada 1988.

Sejak itu ia diguna pakai selama lebih tiga dekad tanpa mengambil kira perubahan yang berlaku pada perkembangan persekitaran mutakhir - misalnya perubahan buku yang kini bukan hanya dalam bentuk fizikal, bahkan digital dan elektronik.

Pembaharuan kepada DBN, dilihat sebagai langkah penting yang akan mengambil kira interaksi dengan persekitaran dunia buku yang sudah semakin beru-

bah kini.

Mohd Khair berkata, antara langkah mewujudkan rangsangan terhadap pasaran buku, MBKM selaku penganjur Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2020 membuat keputusan acara jualan perbukuan terbesar tanah air itu kekal di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Sebelum ini, timbul ura-ura, PBAKL yang pernah diadakan di Taman Pameran Pertanian Serdang Malaysia (MAEPS) pada

Info

Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL)

Diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)

Berlangsung 27 Mac hingga 5 April 2020

Dibuka jam 10 pagi hingga 10 malam

GrafikBH

\$H - 27/11/2020 w/s: 32



MBKM akan memastikan wujudnya rangsangan untuk jualan dan ini dapat disokong Dekad Membaca Kebangsaan yang kini dilancarkan melalui pelan 10 tahun oleh Kementerian Pendidikan dalam menjadikan Malaysia sebagai negara membaca.

Mohd Khair Ngadiron,
Pengarah MBKM

bagi melonjakkan kembali perbukuan tanah air.

“Semua penerbit dan pembaca perlu mengambil kesempatan dengan pengisytiharan Kuala Lumpur sebagai WBC 2020.

“Pada masa sama, kita juga mengharapkan dokongan berte-rusan kerajaan terhadap usaha-usaha ini,” katanya.

2016, akan kembali ke lokasi sama, sekali gus menimbulkan kekecewaan bukan hanya dalam kalangan pempamer, penerbit dan penulis, malah penyokong industri buku negara.

Selain mengekalkan PBAKL di PWTC, Mohd Khair berkata, MBKM membuat keputusan menurunkan harga reruai kepada pempamer dengan pemberian potongan harga RM1,000.

Langkah itu disifatkan Mohd Khair sebagai bertujuan memastikan industri buku menerima galakan sepenuhnya.

“Bagi aspek jualan, PBAKL dipanjangkan daripada jam 10 pagi hingga 10 malam bagi membolehkan ia dihadiri lebih ramai pengunjung, terutama selepas waktu pejabat.

“Pada masa sama, saya akan memastikan promosi PBAKL 2020, dilipatgandakan,” katanya.

Mohd Khair menaruh harapan kedatangan 2020 akan membawa lebih banyak berita baik untuk industri perbukuan tanah air, terutama selepas fasa suram yang menyebabkan ada penerbit terpaksa gulung tikar serta meng-cilkan operasi.

Katanya, industri perlu meng-ambil kesempatan dengan pengumuman Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia (WBC) 2020